

Utusan Malaysia - Kaji Mekanisme, Model Cukai Perniagaan Dalam Talian

Selasa, Mac 20 2018

Berhubung video pengaruhi kanak-kanak bencikan kerajaan Pusat

Polis mula siasat Guan Eng

Oleh MOHD. KHUZAIRI ISMAIL

pengarang@utusan.com.my

■ PULAU PINANG 19 MAC

POLIS telah membuka kertas siasatan terhadap Ketua Menteri, Lim Guan Eng berhubung video beliau terkinja-kinja menyanyikan lagu anti-kerajaan bersama-sama kanak-kanak seperti yang tersebar sejak kelmarin.

Video yang dipercayai dirakam ketika majlis pelancaran pusat tuisyen rakyat di Jelutong di sini dan turut dihadiri ibu bapa kanak-kanak terbabit mengundang reaksi kurang senang orang ramai yang mengecam Guan Eng kerana didakwa sanggup mengheret kanak-kanak bagi mencapai kepentingan politik peribadi.

Ketua Polis negeri, Datuk A. Thaiveegan berkata, kertas siasatan tersebut dibuka mengikut Seksyen 233(1)



● Hasut kanak-kanak benci kerajaan ● Terkinja-kinja menari

GUAN ENG DIKECAM



A. THAIVEEGAN

thak
a
tina

Dalam video
yang tular,
Ketua Menteri itu
kinja-kinja

Berlaku pada
pelancaran pusat
tuisyen y

Selain
dikecam, tiga

Dianggap
keterlaluan

KERATAN Utusan Malaysia semalam.

(a) Akta Komunika-
si dan Multimedia
1998.

“Kami buka kertas
siasatan susulan tiga
laporan polis yang
dibuat pemimpin parti
politik dan pertubuhan
bukan kerajaan (NGO) negeri
ini semalam.

“Kami akan mengambil
keterangan beliau. (Guan Eng)
dalam masa terdekat,” katanya
kepada pemberita di sini hari ini.

Semalam Pengerusi Persatuan
Kebajikan Surplus Pulau Pinang,
Sophian Mohd Zain; Pengerusi
Penang Front Party (PFP), Datuk
Patrick Ooi dan Presiden Pertubuhan
Kebajikan Rakyat 1Malaysia,

Mohd. Ibrahim A. Siahoo membuat
laporan polis ber-
hubung video itu
di ibu pejabat Polis
Daerah Timur Laut
di sini.

Laporan itu
dibuat susulan vid-
eo yang dimuat
naik di akaun me-
dia sosial Facebook
milik *Guang Ming
Daily* yang mem-
perlihatkan Guan
Eng ‘terkinja-kinja’
mengikut rentak
lagu mengenai cukai
barang dan perkh-
idmatan (GST) dalam
sebuah majlis yang ke-
banyakannya dihadiri
kanak-kanak.

Video berdurasi 32 saat itu
memperlihatkan kanak-kanak
berkenaan menyanyi lagu dengan
lirik termasuk *A B C D G S T, harga
semakin tinggi, tak naik lagi gaji,
mesti makan maggi mi, semua
kena GST, bayar untuk 1Malaysia
Development Berhad (1MDB).*